

UCAPAN ALU-ALUAN KURSUS ICT UNTUK  
GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DAN  
SEKOLAH RENDAH NEGERI MELAKA

OLEH

Y.BHG. DATUK PROF. DR. MOHD RUDDIN  
BIN AB. GHANI

REKTOR KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL  
KEBANGSAAN MALAYSIA

BERSEMPENA  
PROGRAM PENGGALAKAN SAINS DAN  
TEKNOLOGI

PERINGKAT NEGERI MELAKA

2 NOVEMBER 2001

Assalamualaikum warah matulLahi Ta'ala  
wa barokatuh

Dan selamat sejahtera.

Terima kasih yang berusaha tuan pengacara  
majlis.

Yang Berhormat Datuk Hj. Ahmad b. Hj.  
Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Program  
Penggalakan Sains dan Teknologi Peringkat  
Negeri Melaka.

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zolkepli  
Bin Buang Dekan Pusat Perkhidmatan  
Akademik KUTKM merangkap Pengerusi  
Kursus.

Yang Berbahagia Prof. Mohammed Ishak Bin  
Desa Dekan Fakulti Teknologi Maklumat  
dan Komunikasi ICT, KUTKM merangkap  
Pengerusi Bersama Kursus.

Def-def Jemputan Khas dari Pejabat  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Unit  
Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN),  
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka  
(PKNM) Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
(JPM), Pegawai-pegawai Kanan KUTKM,  
guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan para  
hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur majlis kerana menjemput saya menyampaikan ucapan dalam acara penutup bagi Kursus ICT Guru-guru Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Negeri Melaka bersempena Program Penggalakan Sains dan Teknologi peringkat Negeri Melaka tahun 2001. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) yang telah menaja sepenuhnya kursus ini dan pihak Jawatankuasa Program Penggalakan Sains dan Teknologi Peringkat Negeri Melaka yang

telah memberikan kepercayaan kepada pihak KUTKM bagi melaksanakan kursus ini.

Saya juga ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada pihak pengurusan dan staf Pusat Perkhidmatan Akademik KUTKM yang telah bertindak dengan jayanya selaku urusetia kursus dan juga kepada pihak pengurusan dan staf Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) KUTKM yang telah bertindak selaku tenaga pengajar dalam kursus ini. Saya menganggap dan berharap agar program seumpama ini akan menjadi pemangkin kepada kerjasama dalam bentuk sinergi antara KUTKM dan badan-badan luar. Mudah-mudahan

program-program seumpama ini akan dapat diadakan lagi pada masa-masa hadapan agar pelbagai pihak dapat sedikit sebanyak turut menikmati faedah daripadanya.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

Setelah 5 hari tuan-tuan dan puan-puan berkursus di KUTKM ini, saya harap tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah dapat merasakan sedikit sebanyak kaedah pengajaran dan pembelajaran secara “hands-on” dimana tumpuan lebih diberikan kepada aspek praktikal. Dengan cara ini saya fikir segala ilmu pengetahuan yang

berkaitan dapat dipelajari secara lebih berkesan. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian, demikian jugalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di KUTKM ini.

Pengajaran dan pembelajaran secara hands-on digunakan secara meluas di KUTKM ini.

Secara puratanya para pelajar akan mengikuti kuliah secara teori sebanyak 30 % dan selebihnya 70% adalah dalam bentuk “hands-on”. Dengan cara ini adalah dijangkakan bahawa para graduan dari KUTKM ini nanti akan merupakan golongan teknokrat yang bukan sahaja mantap dari segi penguasaan teori malah lebih penting daripada itu ialah mereka juga

berkemahiran tinggi. Justeru itu, mereka tidak lagi perlu menjalani proses latihan sebelum menjawat sesuatu jawatan apabila mereka tamat pengajian nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

Saya berharap segala ilmu dan kemahiran dalam IT yang telah tuan-tuan dan puan-puan perolehi sepanjang kursus ini akan dapat membantu dalam menjalankan tugas harian tuan-tuan dan puan-puan. Penguasaan dalam IT sesungguhnya memberi peluang kepada kita untuk mendapatkan berbagai ilmu dan

maklumat dalam pelbagai bidang dari seluruh pelusuk dunia. Maklumat yang diperolehi tersebut sepatutnya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin ke arah mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kemajuan dan kejayaan banyak bergantung kepada teknologi. Era pertanian pada masa dahulu adalah berasaskan bajak yang menggunakan tenaga haiwan; era perindustrian pula berasaskan enjin yang menggunakan arang batu dan minyak petrol. Manakala, era informasi yang sedang

kita alami kini adalah berasaskan komputer dan jaringan networknya. Kemunculan era baru arus informasi yang menjanjikan wadah kehidupan yang lebih memberansangkan dan mencabar telah menghasilkan suatu impak yang cukup besar dalam masyarakat global. Pada hari ini, spektrum multimedia telah menjadi suatu perkara yang sangat penting. Kewujudan multimedia telah memaksa suatu anjakan paradigma dalam semua aspek kehidupan manusia. Justeru itu, untuk menjadi kompetitif masyarakat abad 21 ini mestilah celik teknologi khususnya yang berkaitan IT.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita seharusnya tidak ketinggalan dalam mengikuti arus perdana kemajuan negara kerana perubahan berlaku pada kadar yang pantas. Kalau kita melihat kepada kenyataan sejarah, tempoh masa yang diperlukan untuk menyebarkan inovasi teknologi ke seluruh pelusuk dunia telah menjadi semakin singkat. Enjin berkuasa wap mengambil masa 150 hingga 200 tahun untuk tersebar penggunaannya ke seluruh dunia; teknologi automobil 45 hingga 50 tahun manakala teknologi transistor cuma mengambil masa kira-kira 15 tahun. Perubahan telah berlaku dengan pantas

sehingga kebanyakan daripada perkara yang kita pelajari di sekolah pada zaman kanak-kanak sudah tidak lagi sesuai diaplikasikan 20 tahun kemudian apabila dewasa kerana teknologi telah berubah dengan begitu drastik. Justeru itu, setiap generasi mestilah mampu untuk menyesuaikan diri dengan paradigma yang baru.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang telah

bertungkus-lumus menjayakan kursus ini. Saya juga sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak UPEN kerana kerana telah menyumbang dari segi kewangan untuk kursus ini. Seterusnya juga terima kasih saya ucapkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan pihak PKNM atas kerjasama yang telah diberikan.

Sekian, *WabilLahi Taufiq Walhidayah*  
*Wassalamualaikum*                   *WarahmatulLahi*  
*Wabarakatuh.*